

# ZA‘BA DAN PERBAHASANNYA TENTANG TAKDIR

Ahmad Nabil Amir  
Tasnim Abdul Rahman\*

## Abstrak

Makalah ini membahas karya teologi Zainal Abidin bin Ahmad, atau nama singkatannya Za‘ba, iaitu *Falsafah Takdir*, yang menggariskan pandangan rasionalnya tentang mazhab teologi Islam dan tradisi diskursusnya. Pemahaman tersebut dirumuskan daripada penulisan Dr. Basharat Ahmad yang disiarkan dalam majalah *Islamic Review* (keluaran Ogos-September 1921) yang berpangkalan di Woking, London bertajuk “Taqdir (Pre-Measurement in Islam)” yang menghuraikan pandangan agama yang koheren tentang takdir yang mendukung prinsip rasional dan semangat logika. Za‘ba cuba menggarap idea tersebut dalam konteks masyarakat Melayu untuk membawa perspektifnya yang dinamik dan tercerah bagi merubah sikap menyerah dan fatalistik bangsanya dalam kepercayaan dan penghidupannya. Kajian ini dirangka berasaskan kaedah kualitatif dalam bentuk naratif pustaka dan analisis teks. Ia menerapkan pendekatan normatif, deskriptif, dan historis dalam analisis dan penyorotan data. Hasil kajian mendapati Za‘ba membawa idealisme perubahan dan semangat pencerahan yang mengesankan yang diilhamkan daripada ajaran-ajaran al-Qur’an dan hadith yang telah membangkitkan kesedaran dan keyakinan baru dalam masyarakat Melayu tentang idea takdir yang sebenar. Ini dikembangkan dari prinsip metafizik dan kerangka falsafah Islam yang rasional yang mengacu pada faham etika dan religius yang dinamik dan berimplikasi dalam konteks sejarah yang moden dalam mengilhamkan pembaharuan intelektual dan pandangan hidup yang tercerah dan progresif.

**Kata Kunci:** *Za‘ba; takdir; kemajuan; Melayu*

## Abstract

*The paper discusses the theological work of Zainal Abidin bin Ahmad, or his acronym Za‘ba, i.e., Falsafah Takdir (The Philosophy of Predestination) that underlie his rational outlook of Islamic theological and discursive*

---

\* Ahmad Nabil Amir ialah mantan Felo Penyelidik di *International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)*, Tasnim Abdul Rahman ialah pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu.

*tradition. Such understanding was derived from the practical viewpoint espoused by Dr. Basharat Ahmad in his article published in Islamic Review (August-September 1921) entitled "Taqdir (Pre-Measurement) in Islam" that articulated coherent religious viewpoint of predestination that reflected its rational foundation and reassuring and logical spirit. Za'ba tried to encapsulate the ideas in the context of the Malay community to bring forth its encouraging and dynamic perspective aspiring to reform their pessimistic religious views and understanding and fatalistic attitude of Islamic faith. The study is based on qualitative method in the form of library and documentary survey. It uses normative, descriptive and historical approaches to analyze the data and reach final conclusion. The finding shows that Za'ba embodies the enlightening spirit of Islam aligned with the classical school of rational and speculative thought, which aimed to bring new consciousness into the Malay community through his reinterpretation of the traditional concept of predestination, in light of new metaphysical perspective that brings inspiring philosophical dimension of its dynamic ethical and religious postulate and its implication in modern context to realize the ideal of reform and its promising intellectual and religious aspiration.*

**Keywords:** *Za'ba; pre-destination; development; Malay*

## **Pendahuluan**

Pemikiran Za'ba (1895-1973) tentang falsafah, sejarah, agama, etika, nahu dan sastera cukup signifikan dalam perjuangannya memperbaharui nilai dan kefahaman budaya dan memugar harakat intelek dan membela nasib dan maruah bangsa. Tulisannya yang ideal, *Falsafah Takdir* (1932) mengemukakan polemik yang mendalam dan intens tentang faham mazhab mengenai konsep qadak dan qadar, dan hubungkaitnya dengan tuntutan syariat ke arah penyempurnaan ikhtiar dan tawakal dan pengisbatan keyakinan, iktikad dan kepercayaan tauhid yang mantap. Buku yang dilakarkannya ini penting untuk merungkai belunggu kenaifan dan sikap permisif di kalangan masyarakat. Beliau membantah sikap penyerahan dan kepasrahan yang fatal, dan menolak budaya naif dan jumud yang mengikat dan membelunggu daya kefahaman dan menghalang pembangunan masyarakat. Diperlihatkannya dinamisme dan ketangkasan yang dituntut oleh Islam dalam masalah takdir untuk bertambah cekal menghadapi cabaran dan menggilap keyakinan dan memugar ruh dan semangat perjuangan.

Ia menzahirkan percubaannya untuk merubah kerangka fikir ke arah pemikiran yang progresif dan mapan dan memperkukuh iltizam dan daya tahan dan keberanian. Kupasannya diperkuat dengan nas dan hujah-hujah akliah yang meyakinkan dan disulami dengan tafsiran-tafsiran ulama yang muktabar yang mengungkapkan prinsip asas doktrin qada' dan qadar dari bingkai falsafah dan syariahnya yang luas. Semangat pembaharuan yang ditanam dan dicanangkannya ini penting dalam usahanya membawa pembaharuan yang radikal dan positif dan membanteras budaya mengalah dan menyingkirkan nilai permisif yang bangkrut dalam masyarakat.

Kajian-kajian terdahulu yang membahas pemikiran Za'ba secara umum tentang takdir

dapat ditelusuri dari makalah dan penulisan yang dihasilkan oleh Ibrahim Abu Bakar (1991), Adnan Nawang (2005), Nordi Achie (2006), Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali (2016), Nur'aini (2019), Siti Hawiyah Manan (2024), Asmah H. Omar (2024), Munif Zariruddin Fikri Nordin (2024), dan lain-lain. Dalam artikelnya, Ibrahim Abu Bakar (1991) membandingkan pandangan Syed Sheikh al-Hadi dengan Za'ba tentang takdir, di mana menurutnya kupasan Za'ba lebih terperinci dan meluas berbanding al-Hadi yang menghimbau pelbagai rupa khalayak. Ia banyak mengutip pandangan-pandangan Za'ba yang termuat dalam berkala *al-Ikhwān* berhubung dengan kritik dan pemerhatiannya tentang ilmu kalam, dan perumusannya tentang sikap, pandangan hidup dan kepercayaan orang Melayu yang sempit serta hal-hal kemajuan dan nilai penghidupannya yang sederhana.

Ini turut ditelusuri oleh Nordi Achie (2006) dalam bukunya yang mengupas pemikiran Za'ba dalam karya intelektualnya *Falsafah Takdir* (1932). Ia mengambil ilham daripada semangat al-Qur'an "sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan yang ada pada sesuatu kaum [buruk dan baik] sehinggalah mereka sendiri yang mengubah keadaan yang ada pada diri mereka"<sup>1</sup> dan filsafat Za'ba: "betapa perlunya kita berusaha sendiri tanpa bergantung kepada orang lain dalam menyempurnakan amalan dan pekerjaan sehari-hari".<sup>2</sup> Faham takdir ini menurutnya telah disalahfahami oleh kebanyakan masyarakat Melayu sehingga menimpakan kerancuan dalam iktikad dan pegangan agama mereka. Za'ba menekankan kepentingan berdikari sebagai prasyarat bagi mencapai kemajuan dan kemaslahatan yang dituntut dalam setiap amal ibadah yang dilakukan bersendirian. Kesan ini turut disorot oleh Munif Zariruddin Fikri Nordin (2024), dalam artikelnya yang menghuraikan pemikiran Za'ba tentang konsep salah dan benar dalam bukunya *Falsafah Takdir dan Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*.

Intisari asas dari falsafahnya ini turut diperhalusi oleh Siti Hawiyah Manan (2024) dalam tinjauannya ke atas koleksi surat-surat persendirian Za'ba yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia (ANM), sebagai sumber sejarah yang penting dari dokumen-dokumen peribadinya yang ditandai sebagai Surat Persendirian Za'ba (SP18). Bahan-bahan ini telah diserahkan kepada Arkib Negara pada 1979 oleh anaknya, Zaharah Za'ba (1920-1988). Ia membahar tentang falsafah pemikiran dan kepercayaan Za'ba berdasarkan penulिसannya yang mengulas isu-isu yang berbangkit dalam soal-soal agama dan sosial. Ini termasuklah perbincangannya tentang sejarah, politik, ekonomi, agama, masyarakat, bahasa, sastera, budaya, akhlak, etika dan lain-lainnya. Dalam buku *Memoir Za'ba* yang disusunnya, Adnan Nawang (2005) memuatkan transkripsi temubual dengan Za'ba pada 15 September 1970 yang diselenggarakan oleh pihak Arkib Negara Malaysia, yang dirakamkan dalam enam unit pita kaset. Justeru artikel ini cuba menyorot fakta-fakta sejarah berasaskan maklumat dokumentasi, ulasan dan penafsiran sebelumnya tentang Za'ba dalam memahami konsep asas perjuangan dan pemikiran dan pengaruh per Suratannya.

## Latar Belakang

Tan Sri Dr. Zainal Abidin bin Ahmad (1313/1895-1393/1973) adalah seorang pemikir, dan intelek yang telah bergelut dalam perjuangan bangsa sejak akhir abad ke 13/19 dan awal

1 al-Ra'd, 13:11

2 Za'ba, 2009, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

abad ke 14/20. Dilahirkan di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan pada 16 September 1895, beliau berasal daripada keluarga ulama yang taat. Bapanya, Ahmad bin Ibrahim adalah seorang ahli agama yang alim dan warak. Sejak kecil Za'ba telah dilatih menghafal al-Qur'an, berzanji, memahirkan rukun sembahyang dan menelaah matan hukum. Kelaziman ini telah mengasah kepintaran dan kealimannya dan mengangkat martabat keilmuannya dan menempa sejarah gemilang di hari muka dalam menyemadikan peribadinya sebagai sosok pejuang dan pendita yang agung.

Beliau memasuki persekolahan tinggi pada tahun 1907 di Sekolah Melayu Batu Kikir dan Sekolah Melayu Linggi, dan pada waktu yang sama, menuntut bahasa Arab pada sebelah petang. Setelah lulus, beliau meneruskan pengajiannya di St. Paul's Institution, Seremban pada 1910 dan memperoleh Senior Cambridge pada 1915.

Setelah tamat menempuh bangku persekolahan, beliau menceburkan diri dalam profesion keguruan dan dilantik sebagai guru bahasa Melayu di English College, Johor Bharu pada 1916. Selanjutnya beliau bertugas sebagai guru dan ketua penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 10 Oktober 1918. Dalam masa yang sama beliau memasuki kelas *Senior Normal Education* di Taiping, dan lulus pada September 1921. Ini membolehkannya dilantik sebagai guru terlatih Gred 1. Ia kemudiannya ditunjuk sebagai penterjemah bahasa di Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu pada Mei 1923, dan seterusnya sebagai penterjemah kanan dan ketua pengarang di Pusat Latihan Guru Sultan Idris, Tanjung Malim pada 1924. Menjelang Perang Dunia Kedua, beliau dipindahkan ke Singapura dan bertugas di Pejabat Penerangan Singapura dan di Jabatan Pelajaran Singapura mulai 1939. Dalam tempoh tersebut, beliau turut menjadi juruhebah dan penterjemah berita di Radio Malaya Singapura antara 1939-1942. Di bawah pentadbiran Jepun, beliau ditempatkan di Jabatan Pelajaran dan Agama (Bunkyo-ka) antara 1942-Julai 1945. Seusai perang, beliau ditunjuk sebagai penterjemah di Jabatan Perhubungan Raya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 1 September 1947, beliau dilantik sebagai pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London, sambil melanjutkan pengajiannya dan lulus dengan ijazah Sarjana Muda Sastera pada 1953. Pada Mei 1953, beliau dilantik sebagai pensyarah kanan merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu, di Universiti Malaya, Singapura dan sebagai salah seorang Ahli Kehormat Lembaga Bahasa Melayu.

Dalam perjuangan dan pergerakannya yang lantang dan radikal, beliau dilihat sebagai ancaman kepada misi penjajah untuk terus menekan rakyat. Justeru Inggeris telah menawarkannya pangkat dan jawatan untuk menjinakkannya. Namun usaha itu tidak berhasil membeli dan menafikan suara Za'ba yang terus berdenyut di tengah gelanggang masyarakat.

Beliau dianugerahi gelar Pendeta pada 1956 oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, kerana jasanya mengangkat tamadun pemikiran dan intelek, dan di atas sumbangan dan perjuangannya memartabatkan bahasa, beliau telah dikurniakan ijazah persuratan dari Universiti Malaya, Singapura, pada 1959. Pada 1973 Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganugerahkannya ijazah kehormatan yang sama bagi mengenang sumbangannya sebagai pejuang bahasa. (Haron Daud, 1995).

Kegiatannya dalam bidang penulisan telah digerakkan sejak tahun 1335/1917 dengan penghasilan rencana dan tulisan yang disiarkan dalam majalah dan akhbar tempatan seperti *Lembaga Melayu*, *Pengasuh* dan *al-Ikhwan* (Wan Zailan, 1996). Dari tulisannya yang prolifik itu, terserlahlah pandangan, dan ketrampilan idenya yang jauh melangkaui dan mengatasi zamannya, mengasak dan mendobrak benteng pemisah yang sekian lama membelenggu

pemikiran bangsa, dengan wacana-wacananya yang segar, dalam menyuguhkan fikrahnya yang kritis dan falsafah pemikirannya yang luas, seperti diungkapkannya tentang perjuangan tajdid: “kita mahu pemulihan dan pembaharuan, bukan hendak berkokok pada jalan yang telah hanyut daripada tujuan asalnya dan bukannya hendak berdegil hendak menyimpan jalan fikiran lama yang telah membeku menjadi adat atau kepercayaan-kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan” (Wan Zailan, 1996:1) Penghasilannya yang menarik dan inklusif tentang akal budi Melayu ini seperti dirakamkan oleh Zaini Ujang (1989: 31) dalam *Dewan Budaya* bahawa “sesungguhnya tulisan-tulisan Za’ba banyak merangsangkan pemikiran masyarakat Melayu supaya menyedari keadaan mereka yang sebenarnya” dan tentang kelebihan pena yang digoreskannya: “gaya penulisannya yang sangat menarik dengan sindiran-sindiran yang tajam membuatkan tulisan-tulisan Za’ba begitu diminati dan seringkali pula mengundang polemik” (Zaini Ujang, 1989: 30).

Karya-karya bahasa dan perkamusan yang diusahakannya memperlihatkan gagasan pembaharuan yang besar. Ia tuntas menangani isu-isu praktikal dalam agama, merangka teori-teori bahasa dan membina dan melakarkan prinsip-prinsip nahu dan tatabahasa. Beliau menggagaskan idealisme dan bingkai pemikiran yang komprehensif untuk memartabatkan bahasa dan budaya. Tulisannya banyak meneliti dan menukil pandangan falsafah dari karya-karya nahu yang besar, menggarap teori-teori bahasa yang dicanang di dunia timur dan barat. Analisisnya tentang bahasa dikemukakan dengan jitu dan menampilkan tahap pemikiran dan wacana yang tinggi. Karyanya tidak sedikit mengundang kontroversi dan perlawanan dari pelbagai pihak, khususnya pendukung aliran konservatif. Namun ini tidak sesekali boleh menafikan sumbangannya yang signifikan dalam membangunkan korpus bahasa.

Za’ba telah menyumbangkan pemikiran dan metodologi yang unggul dalam pengajian bahasa, dan usahanya memartabat bahasa Melayu terlihat dari kegigihannya menyusun *Kamus Za’ba*, *Pelita Bahasa Melayu* – 3 jilid (1941), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Ilmu Bahasa Melayu* (penggal I dan II), *Daftar Ejaan Melayu Jawi/Rumi*, *Panduan Mengarang II*, di samping karya falsafah dan akhlak seperti *Falsafah Takdir* (1934), *Malay Festivals and some Aspects of Malay Religious Life* (1949), *Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba (Berkenaan dengan Qadad dan Qadar)*, diterjemahkan oleh Za’ba, dan disunting oleh al-Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din (Jelutong Press, 1934), *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri* (DBP, 2009), *Asuhan Budi menerusi Islam* (1958), *Dewa Derma Dewa*, *Dewi Derma Dewi* dan *Kalung Bunga*.

*Ilmu Mengarang Melayu* merupakan karya agung yang mengemukakan pemikiran bahasa yang signifikan dan gagasan pentingnya tentang bahasa melayu, sistem nahu, “peraturan karang-mengarang, pokok-pokok besar dalam latihan kepengarangan dan cabang-cabangnya yang tinggi, termasuk bunga bahasa, peribahasa, dan bahasa sindiran dan bahan-bahan dari sumber fikiran. Ini dinyatakannya dalam menerangkan hakikat suatu karangan: “yang dikatakan karangan sebenar-benarnya ialah yang tersusun daripada beberapa ayat dengan betul.” Buku ini ditulis dalam huruf jawi pada 1934 dan diulang cetak sebanyak enam kali dan diterbitkan semula dalam edisi rumi (baharu) pada 2002 (suntingan Asmah Haji Omar).

*Pelita Bahasa Melayu*, adalah teras dan rujukan kepada tatabahasa melayu moden hari ini. Syed Muhammad Naquib al-Attas menyebutkan ketinggiannya dalam pidato umum pengurniaan ijazah Doktor Kehormat Persuratan kepada Za’ba di Universiti Kebangsaan Malaysia, tahun 1973: “karangannya yang diberi nama *Pelita Bahasa Melayu* itu sungguh benar pelita yang menerangi suasana kelam keliru dan menunjuk jalan ke arah kesedaran

orang Melayu akan nilai bahasanya yang merupakan jiwa bangsa itu. Dialah pemukul rebana kalbu masyarakat kita dalam Dewan Persuratan dan nyaring debarannya masih terdengar ke hari ini.” Dari kemantapan dan ketinggian falsafah pemikiran yang dizahirkan dalam *Pelita Bahasa Melayu*, Za’ba diangkat sebagai “sarjana Melayu pertama yang membikin huraian nahu bahasa Melayu yang lengkap dan mendalam.”

Sepanjang kariernya Za’ba telah merintis dan menghasilkan berpuluh makalah dalam pemikiran nahu dan sastera, yang memperlihatkan peranannya yang aktif dalam perkembangan bahasa dan linguistik sejak awal dekad 20an, dalam usahanya “memantapkan sistem bahasa Melayu formal melalui penyusunan sistem ejaan jawi dan rumi, tatabahasa dan retorik”.<sup>3</sup> Za’ba diangkat sebagai Bapa Tata Bahasa Tradisional Melayu Malaysia, oleh. Harimurti Kridalaksana, standing dengan Sasrasoeganda yang dianggap sebagai Bapa Tata Bahasa Tradisional Indonesia. Pengangkatan ini berdasar kepada pengaruh tatabahasa yang disusun dan dampaknya dalam falsafah pengajian bahasa yang berkesinambungan.<sup>4</sup>

Tulisan-tulisannya banyak menzahirkan falsafah pembaharuan yang tulen yang membicarakan tentang aspirasi reform untuk mengangkat harakat bangsa dan membentuk keyakinan, sifat berani dan sanggup berjuang dan berdikari. Beliau merangka pemikiran baru yang menekankan cita-cita kebangkitan, gerakan pembaharuan dan pemberdayaan, keyakinan agama yang kukuh dan bersendirinya pada ilmu dan amalan, seperti diungkapkan dalam bukunya *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*: “tiap-tiap seorang itu mestilah bersendirinya pada tiap-tiap kerja ibadat yang disuruh ke atasnya dan bertanggungjawab di hadapan penghakiman Tuhan di akhirat kelak. Ia tidak dikehendaki berharap kepada pertolongan orang”. Ini diperkukuh dengan ayat al-Qur’an yang dikutipnya untuk memperkuatkan hujah dan dasar pendalilannya: “Iaitu disebutkan di sana bahawa sesuatu diri tiada memikul bebanan diri yang lain. Dan bahawa manusia tidak akan mendapat selain daripada apa yang ia usahakan sendiri. Dan bahawa (buah) usahanya itu segera juga akan dilihat (diperlihatkan). Kemudian ia akan diberi balas kerananya dengan balasan yang sempurnanya.”<sup>5</sup>

Karyanya menekankan kepentingan ikhtiar dan pergantungan atas usaha sendiri bersandarkan firman Allah dalam surah al-Mulk, ayat 2: “Tuhan yang telah menjadikan hidup dan mati kerana ia hendak menguji, mencuba kamu, siapakah dari kamu yang terlebih baik kerjanya” (67:2), ayat ini menangani soal perjuangan, yang menurut tafsirnya yang ringkas: “Hidup kita di dunia beramal dan berkerja. Berjuang dan berlawanan seperti di dalam perlumbaan.<sup>6</sup> Beliau turut menukil ayat 1-2 dari surah al-‘Asr, “Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, melainkan yang beriman dan beramal soleh.” (103:1-2) yang difahaminya dari kerangka perspektif yang luas: “beriman itu sendiri meletakkan kepada diri individu itu sendiri untuk beriman atau percaya terhadap apa yang di seru agama.”

---

3 Awang Sariyan, 2005, Sumbangan Pemikiran Za’ba dalam Pelanjutan Tradisi Linguistik Melayu. Dalam Abdul Hamid Mahmood, et.al., Memartabatkan Warisan pendeta Za’ba. Tanjung Malim: penerbit UPSI.

4 *Ibid.*

5 Za’ba, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

6 *Ibid.*

## Pemikiran dan Perjuangan

Za'ba merupakan pemikir Melayu moden yang lantang mengkritik kerapuhan sistem dan pandangan hidup bangsa yang terbelenggu dengan taklid dan perbezaan mazhab yang keras di mana: “pemikiran-pemikiran asli yang dihasilkan begitu dinamik dan anti konservatisme”.<sup>7</sup> Beliau dianggap “seorang yang radikal kerana pandangan dan kritiknya yang tajam dalam usahanya menyedarkan orang Melayu”.<sup>8</sup> Keupayaannya dan kesanggupannya merungkai “belenggu kepercayaan tradisional yang mengongkong kemajuan orang Melayu dengan kunci agama” telah meletakkannya sebagai reformis penting di rantau ini.<sup>9</sup>

Intipati pemikirannya terangkum dalam beberapa aspek penting, mencakup gagasan perubahan dan tajdid, memugar penghayatan agama, memikirkan kedudukan bangsa dan bahasa, dasar sosial dan budaya, dan menangani belenggu taklid dan pemikiran beku dalam masyarakat. Dalam kegiatan politik, Za'ba termasuk salah seorang penggerak yang aktif meniupkan semangat penentangan terhadap gagasan Malayan Union yang diperkenalkan British dan telah menyumbang dalam mempersatukan aspirasi dan cita-cita bangsa melalui kempen-kempen politiknya.

Banyak karya yang telah ditulis untuk menyingkap dan membahas kekuatan intelektual dan kesarjanaannya. Banyak penulisan yang mengangkat catatan-catatan sejarah tentang kehidupannya dan menyalin serta menyusun biografinya bagi memaparkan kisah penghidupan dan legasi perjuangan yang diwariskannya kepada anak watan. Antaranya ialah buku *Memoir Za'ba*, yang disusun oleh Adnan Haji Nawang (2005) yang merakamkan biografi dan sejarah hidupnya dari transkripsi temuramah yang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia melibatkan semua aspek kehidupan, kerjaya, pemikiran dan karyanya. Buku-buku lain termasuklah *Memartabatkan Warisan pendeta Za'ba* oleh Abdul Hamid Mahmmud (*et. al*, 2005) yang menyingkap liku-liku perjuangan dan pemikirannya dan kepentingannya dalam dunia moden, dan *Jejak-Jejak di Pantai Zaman* yang dikarang Ungku Aziz bagi “menyedarkan masyarakat tentang kecendekiawanan Za'ba”.<sup>10</sup> Buku *Za'ba Ahli Fikir dan Ahli Bahasa* oleh Asmah Haji Omar (2015) menyerlahkan ketokohnya sebagai Bapa Tatabahasa Melayu Moden yang telah menggariskan dan memberikan asas sistem bahasa Melayu baharu, dalam ejaan, tatabahasa dan retoriknya serta memuatkan rumusan yang penting daripada pemikirannya yang digarap dan dicerakinkan dengan jelas.

Dalam makalahnya berjudul “Za'ba Dalam Kenangan” yang ditulis sempena memperingati kematian Za'ba pada 23 Oktober 1973, Zaini Ujang sempat membahas peranan penting yang dimainkan oleh Pendeta Za'ba sebagai pengkritik sosial dan usahanya membangkitkan kesedaran dan mengangkat darjat bahasa, dan gagasan yang dicetuskannya dalam berbagai disiplin, yang menzahirkan kecendekiawanan dan ketokohnya “dalam pelbagai bidang – agama, ekonomi, bahasa, sastera, politik, pendidikan, dan kebudayaan sebagai suatu keseluruhan yang menandai tamadun Melayu”.<sup>11</sup>

7 Zaini Ujang, 1989, *Za'ba dalam Kenangan*. Dewan Budaya, Oktober, hlm. 31.

8 Hamdan Hassan, 1978, Ringkasan Riwayat Hidup Za'ba. Dalam Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (peny.), *Bingkisan Kenangan untuk Pendita*. Kuala Lumpur: DBP.

9 Mohd Taib Osman, 1984, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.

10 Zaini Ujang, *Za'ba dalam Kenangan*. Dewan Budaya, Oktober, hlm. 31.

11 Zaini Ujang, *Za'ba dalam Kenangan*. Dewan Budaya, Oktober, Awang Sariyan 2005).

Za'ba memperjuangkan suatu pandangan hidup yang dinamis, luas dan berpandangan jauh, yang menekankan dasar dan falsafah asasnya yang rasional. Gagasan pembaharuan yang dijanjkannya bertujuan untuk “membaiki segala hal-ehwal yang kekurangan, mengubah segala sifat keadaan yang buruk dengan yang baik, menggantikan segala hal manusia yang mundur dengan maju mengikut zaman, menggantikan segala jalan fikiran yang kuno dan kolot, segala kepercayaan yang lapuk dengan fikiran baru yang segar yang disaksikan benar melalui al-Qur'an yang bersendikan akal dan ilmu pengetahuan.”<sup>12</sup>

Menurutnya, bangsa Melayu harus meraih kebaikan di akhirat dari perbuatan mereka sendiri, dan bukan mengharapkan belas syafaat, atau menjadi “kutu di atas kepala, iaitu orang yang suka bergantung hidup kepada kelempahan dan kemurahan orang lain.” Mereka harus siap menebusnya dengan ikhtiar sendiri, dari i'tiqad dan amal yang terhasil atas usaha yang melayakkan mereka meraih rahmat dan pembalasan syurga: “Sekiranya orang Islam mahu masuk syurga hendaklah mendapat syafaat dan permohonan Rasulullah (saw) yang mampu menolongnya, bukan dengan jalan amal sendiri atau jalan kelayakan sendiri dari sebab amalnya itu, sudah pasti ianya akan memberi malu yang besar kepada Rasulullah (saw) yang ingin memohon ke hadrat Tuhan”.<sup>13</sup>

Beliau menggariskan faham islah yang mendasar dalam usahanya menangani masalah kemunduran dan kemiskinan umat yang dibelenggu kesalahfahaman agama, dan dihipit masalah ekonomi di bawah tekanan hukum dan peraturan penjajah: “masyarakat Melayu sebenarnya berada dalam keadaan yang sangat miskin. Kemiskinan tersebut bukanlah semata-mata kerana ‘tiada berharta’ sahaja malah ia lebih parah daripada itu...kemiskinan orang-orang Melayu itu ialah kemiskinan yang meliputi serba-serbinya dan mengelilingi mereka pada segala pihaknya”.<sup>14</sup>

Kemunduran dan kemiskinan jiwa dan cita-cita yang membelenggu bangsa dikritik keras, dengan melontarkan gagasan-gagasan besar untuk membebaskan bangsa Melayu dari belenggu kemiskinan seperti disorot dalam tulisannya dalam akhbar *Ikhwan*: “orang-orang kita Melayu ini pada hitungan am atau jumlahnya ialah suatu kaum yang tersangat miskin. Kemiskinan itulah sifatnya yang terlebih sangat lengkap dan nyata daripada lain-lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebesar-besar kekurangan yang menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan. Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemat dan cita-cita, miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat-sifat keperangaian yang tinggi dan mulia – jadilah mereka tak dapat tidak daripada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa.”<sup>15</sup> Tulisannya ini mengingatkan kita kepada keluhan Ali Shariati bahwa “kemiskinan bukanlah hari tanpa makanan, tetapi hari tanpa pemikiran.”

Keupayaan dan kesanggupan untuk berdikari merupakan asas yang dapat mengangkat kemuliaan dan jatidiri bangsa, yang dilihatnya kurang dijiwai oleh orang Melayu. Beliau tekankan bahawa “tiap-tiap seorang diwajibkan beramal dan beribadat dengan usaha dan

12 Wan Zailan Kamaruddin, 1996, Pendita Za'ba: Pemikirannya Mengenai Islam dan Melayu. Dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (ed.), 100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa. Seminar Memperingati 100 Tahun Za'ba, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.hlm. 1.

13 (Za'ba, Perangai Bergantung pada Diri Sendiri.

14 (Za'ba, 1923).

15 (Al-Ikhwan, 1927).

tenaganya sendiri atau tanpa pernah disuruh dan menganggap dirinya itu mesti bergantung kepada doa orang atau kepada “fidyah” penebus yang dibuatkan orang bagi mendapatkan kejayaan dalam keselamatannya di akhirat kelak!! Tuhan tiada pernah menyuruh kita mesti berharap kepada sedekah tahlil dan bacaan-bacaan *Qul Hua'llah* dari orang apabila mati kelak!!”<sup>16</sup>

Dengan menyesal dikritiknya kekurangan sifat mandiri yang mulia ini pada bangsanya: “perbandingan sikap orang Melayu dengan bangsa itu yang mana bangsa Melayu itu terlalu berharap kepada belas ihsan orang ramai mahupun kerajaan baik di dalam perniagaan, pekerjaan malah persekolahan anak-anak. Sedari itu sikap bergantung kepada diri sendiri itu perlu dipupuk dari anak-anak lagi”.

Za’ba tuntas memikirkan dan mencari penyelesaian yang tepat berhubung dengan kemelut sosial dan ketandusan nasib bangsa, khususnya dalam soal kemiskinan, yang dicerakinkannya ke dalam empat bentuk: “kemiskinan dari segi keperangaian tinggi dan mulia, kemiskinan ilmu pengetahuan, kemiskinan cita-cita tinggi dan kemahuan untuk maju serta kemiskinan harta dan kekayaan”.<sup>17</sup> Sebahagiannya, seperti disimpulkan Za’ba, lantaran “sebahagian besar masyarakat Melayu pada masa itu tidak mempunyai iman yang teguh dan percaya pada kekuatan ghaib dan guna-guna semata-mata”.<sup>18</sup> Menurutnyanya bangsa melayu masih terikat dengan faham khurafat walaupun telah ditentang dan dihapuskan sejak Islam masuk ke rantau ini “orang Melayu meskipun sudah memeluk Islam selama 600 tahun yang lalu, tetapi mereka masih tetap berkelakuan seperti keadaan zaman sebelum mereka menganut agama Islam. Mereka masih percaya kepada perkara-perkara karut dan seolah-olah Islam tidak mampu menghilangkan unsur-unsur kepercayaan masa lampau daripada orang-orang Melayu.”<sup>19</sup>

Didesaknya orang Melayu supaya pantas bersaing dengan kaum lain yang telah memacu kejayaan ekonomi yang tangkas, seperti disuarakannya dalam akhbar *al-Ikhwan*, yang dipimpin oleh Syed Sheikh al-Hadi: “orang-orang dagang sentiasa keluar masuk dan pergi datang dalam negeri orang Melayu ini menghimpunkan kekayaan dan menjadikan diri mereka tuan-tuan tanah yang lebar dengan banyak hasilnya, tuan-tuan punya lombong yang tebekang dengan makmur pendapatannya, saudagar-saudagar perniagaan yang hebat-hebat toko gudangnya serta kaya-kaya dan berlipat ganda keuntungannya”.<sup>20</sup>

Falsafah pemikiran yang digagaskan dalam bukunya *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* berhasrat memperbaharui dan meningkatkan daya juang, dan akal budi. Ia menampilkan falsafah perjuangan yang terkesan dengan cita-cita pembaharuan Islam, yang menekankan keperluan membentuk fikrah dan kefahaman budaya yang dinamis dan kritis, dan memperhebat usaha membangun tradisi akhlah sebagai prasyarat kebangkitan. Ia ditulis “berdasarkan pemerhatian beliau dan juga berdasarkan pengalaman seharian”.<sup>21</sup> Digariskannya dan dihuraikan kondisi masyarakat dan sebab-sebab kemunduran bangsa: “sikap suka berborak atau *melepak* di kedai-kedai kopi sehingga membazir waktu, mengetepikan kebajikan umum, tidak sanggup berkorban, tidak mahu bekerja kuat dan lemah dalam hal ehwal perniagaan.”

---

16 (Za’ba, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*.

17 (dipetik oleh Zaini Ujang, 1989).

18 (Zaini Ujang, 1989).

19 (dipetik oleh Wan Zailan, 1996:3).

20 (Al-Ikhwan, Nov. 1926).

21 (Asmah Haji Omar, 2012).

Beliau menentang kepercayaan lapuk dan budaya taklid yang bobrok, yang diyakininya sebab prinsipal yang telah menghambat kemajuan Melayu: “perangai orang Melayu yang acap kali bertaklid buta iaitu mengikut dan menerima sahaja tanpa banyak soal apatah lagi mengerti mengapa ianya dilakukan di dalam menerima perkara yang melibatkan hal-hal fikiran, kepercayaan dan fahaman agama. Seelok-eloknya bertaklidlah dengan pertimbangan akal dan ilmu pengetahuan sendiri bagi memikirkan patut atau tidaknya sesuatu perkara itu. Perbezaan mazhab-mazhab atas perkara tauhid dan fekah terjadi atas sebab-sebab pendiri mazhab tersebut berlainan dari segi pemahaman masing-masing mengikut pengetahuan dan pertimbangan mereka sendiri pada ketika suasana zaman itu. Walaupun begitu pada asas dan puncanya, mereka masih tetap berpegang dan mengambil kedudukan di atas tapak yang sama dan satu.”<sup>22</sup>

Dikemukakannya upaya ke arah “berijtihad sendiri” dan membenamkan “taklid buta”. Digerakkannya idealisme perjuangan yang kental untuk menghapuskan budaya taklid yang telah menghambat kemajuan fikiran. Menurutnya, cara beragama yang salah telah melemahkan bangsa Melayu kerana enggan menilai semula apa yang menjadi kebiasaan, tanpa hujah yang dapat mempertahankan dan mengesahkannya, seperti yang ditegaskannya: “Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tuli sahaja apa yang dikatakan orang atau apa yang biasa dibuat orang. Umpama mereka yang berdegil mengikut jalan nenek moyang atau pendapat orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya atas neraca timbangan akal sendiri, bahkan tiada dikira walaupun berlawanan dengan akal fikiran yang insaf dan bersalahan dengan ilmu pengetahuan yang sah betulnya... demikianlah dicela tuhan di dalam al-Quran jika orang hanya mengikut apa-apa kebiasaan yang telah teradat dari nenek moyang sahaja bertaklid buta itu dikeji oleh agama dan sekalian orang yang berakal”.<sup>23</sup>

Hujah yang diketengahkan dalam buku *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri* ini, menyerlahkan prinsip pokok yang dipegangnya menyangkut perkara amal ibadat yang dituntut syariat sebagai tanggungjawab setiap mukallaf. Za’ba tak putus menyuarakan dan menggesa supaya amalan agama disempurnakan dengan ikhtiar sendiri, dan tidak menaruh harap pada orang lain, seperti diutarakannya: “dengan dorongan perasaan bergantung kepada diri sendiri seseorang akan merasa wajib membuat sendiri apa-apa kewajibannya, dan tidak berharap kepada orang lain. Ia akan tetap bergantung kepada kebolehan dirinya sendiri sahaja dan hanya memohon taufiq dan pertolongan kepada Tuhan yang Esa tiada lainnya. Bidalan Melayu pun ada berkata, dan ia patut jadi pedoman kepada kita dalam hal ini, iaitu kata orang tua-tua: “Berharap kepada anak, buta mata sebelah; berharap kepada orang, buta mata keduanya” yakni pada apa-apa hal pun baiklah buat sendiri.”<sup>24</sup>

Berkaitan dengan kesedaran ini, beliau mengajukan langkah penting bagi merombak dan memperbaharui bingkai pemikiran lama yang meruntuhkan dan digagaskannya pembaikan yang menyeluruh dalam menggembelng kekuatan dan kebangkitan baru, dengan melenyapkan taklid, yang ditafsirkannya sebagai membuat keputusan terburu-buru dan membuta tuli serta meniru tanpa usul periksa, iaitu terikut-ikut dengan perkara yang belum tentu betulnya (Za’ba, 2009), yang dianggapnya berpunca dari “kedangkalan terhadap fahaman agama. Agama hanya

22 Za’ba, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*, hlm 24.

23 *Ibid.*, hlm. 24.

24 *Ibid.*, hlm. 6.

difahami sebagai amalan sembahyang, membaca al-Qur'an dan niat puasa sahaja. Aspek-aspek kehidupan yang lain terlalu banyak dicampuradukkan dengan unsur-unsur bidaah. Keadaan ini wujud kerana sebahagian besar masyarakat Melayu hanya bertaklid (ikut secara membuta-tuli) dalam soal tauhid.<sup>25</sup>

Dalam pembicaraannya tentang budaya taklid yang menjalar dalam masyarakat, disingkapnya sejarah perjuangan Kaum Muda dan kaum pembaharu dan kecekan mereka mendobrak benteng taklid, yang telah mengilhamkan perjuangannya untuk mendepani tentangan yang hebat dalam percubaan merubah pemikiran dan status quo dalam masyarakat. Dari semangat dan kecekan yang ditunjukkan, beliau merangkul dan melanjutkan aspirasi Kaum Muda, dalam usahanya mendobrak benteng taklid, dan membela perjuangan ulama salaf dan ahli fiqh seperti Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim, Rashid Rida, Syed Syeikh al-Hadi, dan Mustafa Abdurrahman.

Dalam ringkasan bukunya, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, beliau menyimpulkan pandangannya yang objektif tentang permasalahan taklid dalam mazhab dan dasar ikut-ikutan yang membarah dalam masyarakat: “kesimpulannya, dalam sesuatu perkara atau mana-mana pendapat janganlah terus diikuti secara membuta tuli sahaja, melainkan perkara tersebut dikaji terlebih dahulu, diuji dengan baik atau tidaknya dengan akal dan dengan apa sahaja ilmu pengetahuan yang ada pada kita sendiri. Setelah pendapat tersebut dikaji dan ada betulnya atau betulnya, ataupun sekurang-kurangnya nyata sepatutnya ditimbang pada akal sendiri, selepas itu baharulah boleh diterima. Selain itu ia juga bergantung kepada diri sendiri juga dalam memikirkan sesuatu perkara”.<sup>26</sup>

Perjuangannya menegakkan agenda pembaharuan dan islah telah meletakkannya sebagai pejuang dan reformis tulen, sebaris dengan Syeikh Taher Jalaluddin, dan penggagas idea Pan Islam, Sayid Jamal al-Din al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Perjuangan Za'ba ke arah pembaharuan berpijak pada suatu konsep yang dirangka untuk “membaiki segala hal-ehwal yang kekurangan, mengubahkan segala sifat keadaan yang buruk dengan yang baik, menggantikan segala hal manusia yang mundur dengan maju mengikut zaman, menggantikan segala jalan fikiran yang kuno dan kolot, segala kepercayaan yang lapuk dengan fikiran baru yang segar yang disaksikan benar melalui al-Qur'an yang bersendikan akal dan ilmu pengetahuan”.<sup>27</sup>

Untuk meleraikan kemelut dan nasib bangsa yang miskin dan teledor, beliau menganjurkan empat langkah penyelesaian: “asuhan hati dan budi pekerti, didikan dan pelajaran kepada anak-anak, memperluaskan alam persuratan dan bersikap jimat cermat”.<sup>28</sup> Ditekankan pelajaran sebagai induk yang penting dan disarankan pembaharuan dan pemugaran akal dan syahadah yang tulen: “walau barang ke pihak mana pun dihalakan segala usaha dan ikhtiar hendak memajukan Melayu itu melainkan pelajaran hendaklah juga dijadikan “kalimah syahadat” yang awal pertama sekali hendak dikirakan dan dilebihkan daripada lain-lain”.<sup>29</sup>

---

25 (Zaini Ujang, 1989).

26 Za'ba, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*, hlm 13.

27 Wan Zailan, *Pendita Za'ba*, hlm. 1.

28 Abdullah dan Khalid Hussain: 1974, *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: DBPp; Zaini Ujang, *Za'ba dalam Kenangan*.

29 Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975, *Ungku, Aziz. (1975). Jejak-Jejak di Pantai Zaman (Footprints in the Sands of Time: From Za'ba to Aziz)*. Kuala Lumpur: Penerbit UM, hlm.60.

Beliau menentang sifat jumud, dasar pemikiran yang kolot, kenaifan dan pergantungan yang mutlak kepada tok-tok lebai yang diharap untuk menolong dan membayarkan kewajiban agama yang terluput, seperti ditegaskannya: “orang-orang kita banyak benar yang lemah pada mengerjakan amal ibadat. Iaitu usaha-usaha yang merupakan ketaatan dan kehambaan kepada Tuhan dengan memperbuatkannya sendiri sebagai mana yang disuruh di dalam agama Islam. Bahkan, tidak sedikit mereka yang cenderung berharap kepada pertolongan orang lain sahaja, seperti berharap kepada doa tok-tok lebai, tok-tok guru dan tok-tok alim, atau berharap kepada sedekah tahlil mereka itu dan sebagainya, apabila telah masuk ke dalam alam arwah (sudah mati) kelak. Maka terutama sekali mereka berperasaan demikian jika mereka orang yang jahil pekat dalam agama atau orang yang mampu membayar atau mengupah!”<sup>30</sup>

### Falsafah Takdir

“Kerana tarikh penghidupan manusia bukan manusia membuatnya, dia hanya menjalani yang tertulis”<sup>31</sup>

Risalah kecil *Umbi Kemajuan* atau *Falsafah Takdir Dalam Ugama Islam (Sukatan Azali)* dikutip daripada ceramahnya yang dikumpulkan bersama risalah-risalah lain yang dihasilkan pada dekad 30an. Ia diterbitkan pada tahun 1932 di Pulau Pinang dan diulang cetak pada tahun 1982 oleh Dewan Bahasa & Pustaka, selenggaraaan Hamdan Hassan. *Falsafah Takdir* mengemukakan pandangan agama tentang konsep takdir atau sukatan azali yang dibahasnya pada 1928 dan diterbitkan berturut-turut dalam rencana berpeggal dalam periodik *al-Ikhwan*.

Ia memaparkan perbincangan yang signifikan tentang konsep takdir yang cuba berganjak daripada kefahaman konservatif yang hanya bergantung pada do'a untuk merubah ketentuan hidup dan memperbaharui nasib. Menurut Za'ba, takdir merupakan “sukatan yang ditentukan terhadap manusia, mungkin seperti sukatan manusia berlari berbanding dengan kuda, sukatan jangka hayat manusia berbanding kura-kura dan sebagainya. Dalam lingkungan sukatan itu, manusia menentukan di mana kedudukannya.”<sup>32</sup>

Buku ini juga berusaha menjawab permasalahan dasar di sebalik kenyataan kemiskinan, kemunduran dan keterbelakangan yang mencengkam masyarakat Islam, yang tampak mengalah dan tunduk kepada imperialisme Barat, yang cuba meluaskan hegemoni dan pengaruhnya di tanah Melayu, tanpa upaya untuk menentang, dan pasrah menyerahkan nasib kepada suratan takdir. Sikap pesimis yang naif dan dangkal ini nyata bercanggah dengan ajaran Islam yang menganjurkan perubahan dan kebebasan daripada ikatan hegemonis dan kelemahan sehingga ditindas penjajah, yang berakibat dengan penganiayaan dan tekanan dan “kena perabadian dan kena picit dan perah dan ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya”.<sup>33</sup>

Pegangan ini disangkal dan dikritik keras oleh Za'ba, kerana bercanggah dengan pandangan progresifnya tentang ketentuan takdir yang bersifat radikal dan positif. Kefahaman

30 Za'ba Perangai Bergantung pada Diri Sendiri, hlm. 58

31 Hamka, 1979, Tenggelamnya kapal Van Der Wijck. Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 30

32 Za'ba, 1932, Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir dalam Agama Islam (Sukatan Azali). Pulau Pinang: Jelutong Press.

33 Za'ba, 1927, Kemiskinan Orang Melayu. Al-Ikhwan, Mac, 16 April.

lesu yang dianut kelompok Muslim tersebut nyata bercanggah dengan *maqassid syari'ah* yang menuntut dinamisme dan daya ikhtiar dan idealisme yang jelas. Buku ini dilakarkan dalam usahanya untuk “melaikan stigma duniawi bangsa Melayu yang silap dalam memahami iktikad takdir” dengan lontaran pertanyaan yang mencabar: “Mengapakah Tuhan pula yang dipersalahkan? Begitu kejamkah Tuhan lantas mentakdirkan mereka dijajah, dihina dan diperhambakan?”<sup>34</sup>

Dalam bukunya *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* (2009) ia menekankan nilai keyakinan dan kesungguhan sebagai landas etika dan keimanan sesuai dengan konsep dan ajaran-ajaran Islam yang menuntut pembaikan dan perubahan, berdasarkan firman Tuhan dalam surah *al-Ra'd* (13) ayat 11 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa-apa keadaan yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka sendiri (telah) mengubah keadaan yang ada pada diri (jiwa hati) mereka itu” yang menjadi katalis kepada perubahan dan kemajuan terhadap identiti bangsa dan masyarakat: “Kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa bergantung kepada rakyat itu sendiri. Rakyat yang kuat dan berusaha bersungguh-sungguh serta percaya kepada kebolehan diri sendiri akan dapat memajukan bangsanya.”<sup>35</sup>

Perbincangan yang diutarakan dalam *Falsafah Takdir* ini mengajukan kefahaman yang jitu dan luar biasa tentang persoalan *al-qadar* dan menzahirkan daya kemajuan, idealisme dan keyakinan yang mengesankan, yang mengetengahkan antara lain, pandangan penulis yang bebas terkait dengan tujuan dijadikan manusia, kebebasan ikhtiar manusia, iktikad nasib dengan iktikad takdir, petunjuk Tuhan kepada manusia, ilmu Allah, dan beberapa faedah berhubung dengan masalah takdir dan lain-lainnya. Dalam babnya yang pertama, “iktikad nasib dengan iktikad takdir (1980, 30) ia menjelaskan perbezaan fahaman antara iktikad nasib dengan iktikad takdir dengan menganjurkan “manusia sendiri dikehendaki membuat nasibnya itu dengan amal dan usaha ikhtiarnya sendiri” kerana “manusia ini bukanlah diperanakkan dengan “nasib” yang telah ditetapkan”<sup>36</sup> dan “al-Quran tidak mengajarkan iktikad nasib.”<sup>37</sup>

Ita membentuk tiang seri pemikiran Islam yang signifikan yang disandarkan kepada falsafah hukum yang mendalam dalam menolak kesamaran dan salah faham tentang takdir dan tampil sebagai mekanisme pencetus dan penggerak kemajuan: “Allah telah menetapkan takdir ke atas semua hamba-hambanya dan takdir yang ditetapkan ini tidak boleh diubah-ubah. Takdir pula mempunyai pelbagai aliran dan konsep yang berbeza. Konsep takdir yang berbeza-beza ini mempunyai pendirian yang tersendiri dalam menilai dan mengatur kehidupan harian. Konsep-konsep ini bertepatan dengan syari'ah dan ada pula yang bertentangan dengan hukum. Oleh itu, historiografi Islam memainkan peranan penting dalam membantu manusia memahami konsep takdir untuk menentukan bentuk kehidupan manusia dan turut memahami peranan manusia juga dalam membentuk kehidupannya sendiri”.<sup>38</sup>

Gagasan rasional yang ditimbulkannya tentang prinsip dan idealisme tauhid yang membentuk kefahaman takdir ini dimaksudkan bagi memperbetul dan mengkritik kelesuan

34 Nordi Achie, 2004, Wabak Taklid Buta, Watak Fanatisme Mazhab dan Wasilah Ijtihad Satu Penelitian terhadap Pemikiran Za'ba. Malaysia dari Segi Sejarah, 49, hlm. 141-158.

35 Za'ba, Perangai Bergantung pada Diri Sendiri.

36 Za'ba, 1980, Falsafah Takdir, Hamdan Hassan (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 32.

37 Ibid., hlm., 74

38 Fadilah Zaini, 2004, Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perpektif Islam. Jurnal Kemanusiaan, 2 (1), 95-105.

masyarakat yang jahil tentang perhitungan nasib, yang telah menyimpang daripada iktikad yang sebenar, yang membawa kepada keteledoran dan kepasifan kerana: “di antara orang-orang Islam kita di serata dunia Muslimin masa ini tiada syak bahawa fikiran yang mengatakan ‘nasib’ tiap-tiap seseorang baik dan jahat semuanya daripada Allah atau telah ditetapkan Allah itulah satu daripada sebab-sebab dan penyakit yang besar yang telah membawa ketiduran, kedaifan, dan kemunduran mereka dalam masa yang hampir 1000 tahun ini”.<sup>39</sup> Ketegaran idea yang diwarisi dari iktikad *al-jabr* ini seperti dirumuskan oleh al-Faruqi (1986): “Man is determined in all actions by divine power, including the acts of faith and virtue or faithlessness and vice.” (semua perbuatan manusia telah ditentukan oleh kudrat ilahi, termasuk keimanan dan kebaikan atau kekufuran dan kejahatan).

Dalam merumuskan persoalan ini, Za’ba telah membawa suatu sintesis tentang faham kebebasan yang disari dari interpretasi mazhab tradisionalis dan rasionalis, dalam menyimpulkan masalah terkait dengan perbuatan manusia: “manusia ada diberikan oleh Allah ikhtiar dan usaha yang merdeka, dan apa yang terjadi pada manusia ialah mengikut sebagaimana ia menggunakan usaha dan ikhtiarnya itu...segala pekerjaan dan hal ehwal manusia sentiasalah tertakluk dan bergantung kepada kudrat iradat Allah Taala mengikut peraturan takdir”.

Pada asasnya, ia percaya nasib yang menimpa bangsa boleh dirubah dengan perjuangan dan ikhtiar, seperti yang disorot dalam intisari ayat surah al-Balad (90) ayat 9-10: “Dan telah Kami nyatakan baginya (manusia) dua jalan ertinya telah Kami taruhkan pada kejadiannya perbezaan yang boleh membezakan di antara yang baik dan yang jahat dan telah Kami berikan baginya perasaan dan akal suluh yang menunjukkan akan dia pada keduanya. Kemudian Kami kurniakan akan dia ikhtiar dan usaha pula”.<sup>40</sup> Menurutnyanya, memetik karyanya: “segala ayat-ayat Quran yang telah disebutkan di atas tadi tidak ada yang lebih terang daripada itu yang menunjukkan Tuhan tiada campur tangan dalam pilihan manusia...jika seorang itu bersungguh-sungguh hendak mencari jalan kebenaran maka ditolong dan ditunjukkannya jalan itu. Tetapi jika seorang itu tiada menghendaki maka tiadalah Tuhan menunjukkannya, kerana orang itu sendiri menutup mata, telinga dan hatinya.”<sup>41</sup>

Beliau mempersoalkan kelesuan bangsa yang pesimis dan mengalah. Diketengahkannya falsafah dan kefahaman yang mantap tentang idealisme perjuangan yang bernafaskan ajaran-ajaran mazhab yang berkembang dalam tradisi pemikiran Islam yang meletakkan keimanan dan keyakinan kepada takdir sebagai landas dan pasaknya yang terpenting dan mengilhamkan. Dalam pertimbangannya falsafah dan pemahaman ayat dijelaskan dalam konteks penolakannya terhadap iktikad nasib yang berserah buta semata-mata dan salah tafsirnya dalam memandang kudrat iradah Allah: “orang yang beriktikadkan nasib, segala rupa kesusahan dan kemalangan yang menimpa mereka itu ialah sebagai tanda menunjukkan Tuhan yang tiada tetap hukumannya, bersifat *istibdad*, pemarah dan ‘berhati batu’, tetapi bagi orang Islam (yang sebenar), segala kemalangan dan sengsara yang dirasainya itu ialah utusan yang memberi khabar akan kedatangan untung dan buah yang terlebih gilang-gemilang lagi”.<sup>42</sup>

39 Za’ba, Falsafah Takdir, hlm. 290.

40 Syed Sheikh Al-Hadi. (1906). Al-Qada’ wa al-Qadar. Al-Imam, 1 (2), 38-42, 1 (3), hlm. 74-76.

41 Za’ba, Falsafah Takdir, hlm. 88.

42 *Ibid.*, hlm. 68-69.

Perbahasannya tentang konsep dan kefahaman takdir ini pada umumnya didasarkan pada perbahasan ulama-ulama kalam dalam karya terjemahannya *Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba* mengikut kepercayaan mazhab tradisional yang merungkai idea-idea pokok tentang persoalan *al-qadr* (sukatan azali) yang ditentukan dengan jelas dan dibangkitkan dalam wacana falsafah klasik.

Penyelidikannya yang jitu telah memungkinkannya untuk menarik kesimpulan yang signifikan daripada tilikannya tentang *Falsafah Takdir* bahawa (1) setiap benda kejadian, termasuk manusia, dicipta dengan tujuan yang khusus untuk dirinya sendiri dan tujuan yang umum untuk alam ini (2) di dalam setiap benda kejadian, termasuk manusia, terpendam kelayakan dan potensi yang sesuai dengan tujuan ia diciptakan (3) setiap benda kejadian, termasuk manusia, harus melaksanakan prinsip-prinsip Tuhan untuk menyempurnakan tujuan ia diciptakan, sesuai dengan kelayakan dan potensi yang ada dalam dirinya. (Kassim Ahmad, 2006)

Kesimpulan yang dirumuskannya daripada perbahasan kitab-kitab tauhid dan kalam, menemukan falsafah takdir yang dinamik buat menyingkirkan doktrin fatalisme dan bebalisme, sebab: “nyatalah iktikad ini membunuh segala usaha dan tenaga pada perlumbaan hidup pada hal usaha dan kuat bekerja itulah yang menghasilkan segala rupa kemajuan dan masa ke hadapan.”<sup>43</sup> Melalui kupasannya terhadap ayat-ayat yang menyentuh tentang intipati *al-qadr*, beliau menunjukkan sikap dan keyakinan serta iltizam yang jelas untuk mengangkat harakat bangsa dan memugar daya akliah dan kebebasan serta mempertahankan kedudukan dan martabatnya dan membebaskan masyarakat daripada terperangkap dengan agenda penjajah untuk kekal bodoh dan jumud dan menjadi “bangkai imperialisme”.

Buku ini dianggap kontroversial pada zamannya, yang menyebabkan Za‘ba dituduh oleh Residen British sebagai penderhaka Sultan, dimusuhi dan ditentang alim ulama dan pemuka agama kerana mencabar fahaman tradisional dan ortodoks. Kritiknya telah menyebabkan pengedarannya diharamkan sekitar awal 1930-an, namun sempat tersiar dalam berkala *al-Ikhwān*, yang beroperasi di negeri-negeri selat, yang telah memungkinkan penyebarannya demi menyedar dan mencelikkan akal bangsa untuk mengenal kebenaran dan haknya.

Karya ini penting dalam perjuangan yang dipelopornya untuk mempertahankan benteng Kaum Muda dan mengolah kefahaman baru tentang falsafah takdir yang membicarakan dengan jelas pemikiran ulama-ulama klasik yang membawakan hujah dan kerangka pemikiran mazhab yang luas dalam membahas persoalan takdir, tawakal, dan tawhid.

## Sukatan Azali

Penulisan Za‘ba tentang Kadha dan Kadar dapat ditelusuri dari karya-karya teologinya seperti *Umbi Kemajuan* atau *Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam Islam* (1932) sebagai “sebuah kitab yang tersendiri”, yang memuatkan 10 bab yang dikembangkan daripada rencana Dr. Basharat Ahmad. Selain itu adalah salinan terjemahannya ke atas kitab *Sharh ‘Aqa’id as-Sarafini*, berjudul *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan*

---

43 *Ibid.*, hlm. 31

*Hamba*, yang ditashih oleh Muhammad Tahir Jalaluddin, dan dikeluarkan secara berpenggal dalam majalah *al-Ikhwān* (1934) cetakan Jelutong Press, Penang.<sup>44</sup>

Ia mengungkapkan asas kepercayaan takdir ini berdasarkan keterangan ayat-ayat al-Quran dan mafhumnya yang asal, seperti yang terpapar dalam surah *al-A'la* (87) ayat 3: “Dan Ia yang telah menjadikan benda-benda mengikut suatu sukatan yang tetap, kemudian ditunjukkannya jalan” dan surah *al-Furqan* (25) ayat 2: “Dan Ia (Allah) yang telah menjadikan tiap-tiap suatu, kemudian disukatkannya (ditetapkannya) baginya sesuatu sukatan” dengan merumuskan maksudnya: “takdir: sukatan atau ukuran atau anggaran atau jangka azali mengikut kehendak atau maksud perkataan taqdir dalam bahasa Arab. Ia tidak sekali-kali membawa erti “nasib atau untung atau janji atau pertemuan atau rezeki secupak atau buah malang atau geruh, luka, ajal, mati dan lain-lain...”<sup>45</sup> ... inilah takdir atau sukatan azali iaitu tujuan yang telah tetap yang ditentukan dari azali bagi tiap-tiap sesuatu itu, serta undang-undang yang telah tetap ditentukan dari azali yang mesti diikutinya bagi menyempurnakan tujuan itu. Maka setakat inilah sahaja batasnya ketetapan azali atau suratan di luh mahfuz yang telah ditentukan dalam ajaran agama Islam, tidak lebih dari itu.”<sup>46</sup>

Penafsiran-penafsiran ulama yang dihubungkan dengan ayat-ayat ini disimpulkan Za'ba dengan menegakkan asas-asas kebebasan yang diserukan al-Quran: “al-Quran telah menyebutkan dengan tetap serta terus-terang bahawa manusia ini diberikan hak sendiri dengan sekali-kali tiada gangguan tentang memilih apa yang termampu olehnya mengikut suka hatinya sendiri (Za'ba 1980: 80).

Menurutnya garis takdir yang ditentukan Tuhan itu terikat pada tiga asas peraturan (1) undang-undang tabii (2) undang-undang balasan (3) undang-undang petunjuk dan penyesat, yang ditetapkan dengan jelas dalam al-Qur'an. Seluruh garis kehidupan manusia tertakluk kepada tiga gugusan peraturan tersebut, yang turut membezakan takdir Allah terhadap “segala bentuk kejadian alam” dengan takdir-Nya terhadap manusia. Menurutnya, pergerakan dan peredaran objek dalam perputaran sistem cakrawala telah ditakdirkan oleh Allah sesuai dengan garis perjalanannya. Iktikad takdir pada agama Islam itu, menurutnya, “boleh dikatakan seolah-olah roda penimbang bagi menyamakan putaran pada segala gerak pesawat jentera alam yang maha besar ini. Sekiranya tiada roda itu menjadi kunci dan peraturan yang ditetapkan nescaya jentera yang maha besar ini tentulah akan roboh dan hancur dengan seketika sahaja”.<sup>47</sup>

Berbeza dengan makhluk yang lain manusia diberikan kebebasan dan ikhtiar, sesuai dengan tujuan penciptaannya, di mana “semua benda yang dijadikan Tuhan itu semuanya ada mempunyai tujuan dan maksudnya sendiri,” yang tetap sifatnya mengikut suratan di luh mahfuz. Seperti kejadian manusia yang mempunyai “tujuan dan maksud” tertentu dan ditetapkan pula “peraturan tertentu” untuk memastikan tujuan itu tercapai. Semuanya terikat dengan sukatan yang tertentu sesuai dengan “kerja dan tujuan yang dikhaskan bagi tiap-tiap benda.”

Dalam “menyempurnakan tanggungan-tanggungan” dan menghasilkan tujuan kejadian” nya ini, manusia haruslah mengikuti al-Quran dengan setia sebagai “undang-undang dan peraturan” dalam “menjalankan kudrat kejadian dirinya dengan betul”.<sup>48</sup> Ia dimestikan

44 Tasnim Abdul Rahman, 2020: 69)

45 Za'ba, Falsafah Takdir, hlm. 33

46 *Ibid.*, hlm. 35

47 *Ibid.*, 32

48 (Za'ba, Falsafah Takdir, hlm 53.

mengikut “undang-undang yang betul” yang ditetapkan Tuhan sebagai khalifah-Nya. Ia harus berlaku adil kepada semua manusia, sebagai “jalan” yang ditetapkan Tuhan kepadanya untuk dipatuhi. Selain itu, ia juga diciptakan untuk beribadat, yang dimaksudkan sebagai “jalan bagi membersihkan diri manusia” dengan cara “menyerahkan diri dan taat sepenuhnya akan kehendak dan perintah Tuhan pada semua hal”.<sup>49</sup> Inilah tujuan asas penciptaannya sebagai “takdir yang telah diperuntukkan bagi manusia dalam dunia ini” sesuai dengan kelebihan-kelebihan yang dimilikinya ketimbang makhluk lain.

## Nasib dan Takdir

Dalam perspektif pemikiran reformismenya, Za’ba mendapati terdapat “kesamaran dan salah faham” tentang fahaman takdir di kalangan orang Melayu, yang meyakini semua kejadian “tergantung kepada ketentuan nasib”. Dalam hal ini, ia menentang pandangan tradisional yang dibawa oleh doktrin Asha’irah, di mana: “nampak nyata dalam kitab ini ada uraian-uraian yang tidak sependapat dengan pandangan al-Imam Abu Hassan al-Asy’ari rahimahullah yang jadi pengasas mazhab Ahli Sunnah... Masih banyak lagi perselisihan lain, dapat diperhatikan dalam isi kitab ini.”<sup>50</sup>

Pertentangannya dengan pendapat Asha’irah itu terkait dengan idea kebebasan yang melekat pada manusia yang menunjukkan potensinya pada *ikhtiyar* (punyai pilihan) bukan *majbur* (terpaksa): “Hanya yang kita katakan di sini ialah manusia itu tidak terpaksa atau *majbur* atau mesti menjadi demikian atau demikian. Manusia ada diberikan oleh Allah ikhtiar dan usaha yang merdeka, dan apa yang terjadi pada manusia ialah mengikut sebagaimana ia menggunakan usahanya dan ikhtiarnya itu, kerana balasan baik atau jahat sesuai dengan jalan usaha dan ikhtiarnya itu memang telah ditetapkan peraturan undang-undangnya oleh Allah. Segala pekerjaan dan hal ehwal manusia sentiasalah tertakluk dan bergantung kepada kudrat iradat Allah Taala mengikut peraturan takdir yang telah ditetapkan itu.”<sup>51</sup>

Yang diperkarakan ialah masalah kekuasaan Tuhan yang mutlak untuk memberi petunjuk atau menyesatkan hamba, mengikut ketetapanNya sendiri, tanpa kebebasan yang diberikan kepada manusia, pandangan yang dianut oleh kelompok Asha’irah, di mana: “menurut fahaman Imam Abu Hasan al-Asy’ari (260-324) Allah Ta’ala tiada mustahak mengikut sebarang jenis undang-undang. Walau apa pun perbuatan Allah Ta’ala yang ditimbangkan ‘zalim’ pada fahaman manusia maka pada Allah Ta’ala tidak boleh dibilangkan kezaliman kerana Ia memang bermaharajalela. Jika Ia (Allah) terikat oleh apa-apa undang-undang nescaya bukanlah Ia Tuhan...Allah Ta’ala bekerja mengikut ketetapan yang ditetapkanNya sendiri, ialah undang-undang takdirNya”.<sup>52</sup>

Dalam mempertimbangkan pendapat-pendapat kalam yang bertikaian ini, Za’ba mengusulkan kepada khalayaknya “untuk menimbang dengan secukup-cukup benar salahnya dan layak atau tidak layaknya bagi memulihkan agama Islam kepada asalnya yang

49 *Ibid.*, hlm. 46-47.

50 Za’ba, 1932, *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir dalam Agama Islam* (Sukatan Azali). Pulau Pinang: Jelutong Press.

51 Za’ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 117-118.

52 *Ibid.*, hlm. 28-29.

di dalam Quran, dan bagi mempersetujukan dengan kemahuan zaman kemajuan ini di hadapan cahaya ilmu dan akal yang adil.”<sup>53</sup>

Dalam karyanya yang klasik Za'ba mengungkapkan asas-asas pemikiran dan hujahnya dalam menolak penyerahan buta dan pamasrahan pada nasib dan dalam upayanya untuk “mengikis sikap menyerah kepada takdir” ia menganut faham yang berpegang bahawa “manusialah yang menentukan nasibnya sendiri”. Menurutnyanya: “Tetapi jika Allah Ta'ala sendiri menunjukkan dan menyesatkan siapa yang Ia kehendaki, apakah faedahnya lagi diturunkan al-Qur'an dan dibangkitkan Rasul untuk menyeru manusia kepada kebenaran? Kehendak Allah Ta'ala biarlah semua orang mengikut jalan yang betul, tetapi tiada dipaksakan kehendakNya itu di atas manusia. Itulah sebabnya diturunkan al-Qur'an dan disuruh RasulNya menyeru manusia agar mereka dapat berfikir dan memilih jalan yang betul. Tidaklah sekali-kali munasabah dengan sifat kesempurnaan Allah Ta'ala jika perbuatanNya berlawanan, artinya Ia yang menurunkan pedoman bagi manusia, tetapi Dia sendiri yang menyesatkan manusia! Maka bertambah jatuhlah sifat kesempurnaan Tuhan disebabkan perbuatanNya menyesatkan manusia.”<sup>54</sup> Menurutnyanya di tangan manusialah letaknya kesedaran buat menentukannya, yang akan melorongkannya kepada kebenaran atau kesesatan, yang selanjutnya melayakkannya untuk dipertanggungjawabkan dan dibalas atas perbuatannya yang dilalui sebagai suatu ujian.

Pengertian takdir ini oleh kebanyakan orang Melayu telah disamakan dengan “iktikad nasib” atau “janji azali”, “rezeki secupak tak akan jadi segantang”, “janji nak malang, malanglah datang!”<sup>55</sup> kerana “semuanya itu telah ditetapkan dari sedia kala (azali) dengan tiada boleh diubah dan ditukar lagi...walau bagaimanapun dijalankan usaha dan ikhtiar hendak melawan atau menyahkan ketetapan itu, sama sekali tidak akan dapat...ini bermakna nasib seseorang itu telah termeteri mati di atas dahinya dengan betul dan tepat, seperti yang akan terjadi.”<sup>56</sup> Terkait dengan kepercayaan yang naif ini ia menarik perhatian ahli nasib (jabariyyah) itu sebagai punca rosaknya iktikad tentang qadar: “Bahawa sesungguhnya segala keadaan yang demikian inilah yang telah menarik perhatian ahli “nasib” itu mengatakan bahawa tiap-tiap hal adalah kerana terpaksa berlaku dengan tidak dapat disalahi atau dihindarkan lagi... Agama Islam mencebikkan fikiran yang bodoh dan palsu ini.”<sup>57</sup>

Menurut Za'ba, baik dan buruk bukanlah nasib tetapi ujian dari Tuhan, yang mengandungi hikmah. Dalam melaluinya, manusia haruslah berikhtiar, bagi meraih keutamaan, kerana “manusia ini ialah penghulu bagi nasibnya sendiri”<sup>58</sup> di mana “orang yang percayakan takdir berperasaan riang dan sukacita sentiasa yakin dan akan kebaikan *qada'* dari Tuhannya. Semakin terangkatlah martabat kebersihan dirinya dan menjadi bertambah tinggi serta mulia kerana kesabarannya dan tahan daripada ujian Tuhannya itu”.<sup>59</sup>

Fahaman tentang kejadian baik dan buruk ini pada asalnya didakyahkan oleh Muawiyah bin Abu Sufyan, pendiri dinasti Umayyah, untuk melegitimasikan tindakannya, dalam menghapuskan musuh-musuhnya dengan kekerasan yang bukan kehendaknya, tetapi

---

53 *Ibid.*, hlm. 29.

54 *Ibid.*, hlm. 28.

55 *Ibid.*, hlm. 68.

56 *Ibid.*, hlm. 30-31.

57 *Ibid.*, hlm. 68.

58 *Ibid.*, hlm. 32.

59 *Ibid.*, hlm. 69.

atas kudrat dan iradat Tuhan. Ini dikarang-karang dan dipergunakan sebagai alat politik yang telah disanggah oleh Hasan al-Basri, menyatakan: ‘Musuh-musuh Allah itu berdusta!’<sup>60</sup>

### **Kesimpulan**

Pemikiran Za’ba yang tercerna dari penulisannya *Falsafah Takdir* ini sedikit sebanyak telah berhasil mengangkat harkat dan kesedaran bangsa dalam memaknai hasrat perubahan yang didambakan. Karyanya telah mendorong pencerahan yang bermakna dalam menanggapi masalah-masalah agama dan kepercayaan dan pemahaman tentang qada’ dan qadar, kebajikan dan kejahatan yang dirumuskan dalam bentuk pemikiran teologi yang matang dan sederhana. Fahaman ini jelas dirujuk dari nas al-Qur’an dengan “tiada berganjak daripadanya barang sedikit pun” yang ternyata telah membangkitkan kekuatan nilai dan pandangan hidup Islam dan ketinggian akal budinya,

Pendapat ini turut digarap daripada prinsip dan idealisme kalam dalam tradisi skolastik Islam klasik yang bertujuan merubah sikap hidup masyarakat yang masih terbelenggu dengan pemikiran-pemikiran jumud dan dangkal. Ia mencerminkan iltizamnya untuk memperbaiki nasib umat yang masih terpuruk dalam kedaifan dan kemundurannya dalam soal-soal kemajuan. Hasrat ini terlakar dan dimaknai dengan upayanya merubah pemahaman tentang takdir yang instrumental dalam menggerakkan kesedaran dan perubahan yang bermakna bagi meninggikan himmah dan kemahuan umat untuk mencapai kemajuan. Ia turut menjadi katalis dalam mengembangkan pengaruh moden Islam dan aspirasi moral dan religiusnya yang progresif, yang berhasil memurnikan dan memberikan dharma yang signifikan dalam memartabatkan perjuangan dan pemikiran bangsa dan memberdaya harkat budaya dan tradisi akhlah dan warisan persuratannya.

---

60 M. Sulaiman Yasin, 1984. Pengantar Falsafah Islam. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 112-113

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM) kerana membenarkan akses kepada bahan-bahan rujukan dan koleksi peribadi di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA Library) sepanjang proses penelitian.

## Daftar Pustaka

- Abdullah Hussain, Khalid M. Hussain. (1974). *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Abu Bakar, Ibrahim. (1991). The Divine Decree and Determination in al-Hadi's Thought. *Islamiyyat*, 12, 15-24.
- Adnan, H. Nawang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Adnan, H. Nawang. (2005). *Memoir Za'ba*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Al-Faruqi, I.R. & Al-Faruqi, L.L. (1986). *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Al-Hadi, Syed Sheikh. (1906). Al-Qada' wa al-Qadar. *Al-Imam*, 1 (2), 38-42, 1 (3), 74-76.
- Amir, A. Nabil, A.R., Tasnim. (2020). Pemikiran Za'ba dan Kesannya kepada Kebangkitan Perjuangan Nasionalisme Melayu. *Al-Qiyam: International Social Science and Humanities Journal*, 3 (4), 61-71.
- Asmah, H. Omar. (2012). Pemikiran Za'ba: Agama, Pendidikan dan Politik *Kolokium Za'ba Pemikir Ulung*. Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan, Seremban, 5 Jun.
- Asmah, H. Omar. (2015). *Za'ba Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah, H. Omar. (2024). Za'ba dan Rahsia Ejaan Jawi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17 (2), 287-306.
- Awang, Sariyan. (2005). Sumbangan Pemikiran Za'ba dalam Pelanjutan Tradisi Linguistik Melayu. Dalam Abdul Hamid Mahmood, *et.al.*, *Memartabatkan Warisan pendeta Za'ba*. Tanjung Malim: penerbit UPSI.
- Azhar W., Fathin Noor A. R. (2016). Dilema Za'ba: Perangai Orang Melayu Bergantung Kepada Diri Sendiri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 11, 27-32.
- Fadilah, Zaini. (2004). Ketuhanan dan Manusia dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perpektif Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 2 (1), 95-105.
- Hamdan, Hassan. (1978). Ringkasan Riwayat Hidup Za'ba. Dalam Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (peny.), *Bingkisan Kenangan untuk Pendita*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hamka. (1979). *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hanzah, Jonoh (penyelenggara). *Takdir (Sukatan Azali) dalam Uagama Islam: Pandangan Za'ba*. Jabatan Warisan Negara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Haron, Daud. (1995). Pemikiran dan Sikap Za'ba Terhadap Bangsa Melayu. *Jebat*, 25, 107-121.
- Ibrahim, Anwar. (2024). Seabad Za'ba Pemikir Kemiskinan. *Syarahannya Za'ba*, Dewan Tunku Cancellor, UPSI, 5 Oktober.
- Kassim, Ahmad (2006). Perpaduan Bangsa. 23 Disember. Diakses dari [kassimahmad.blogspot.com/2006/12/bahagian-iii-perpaduan-bangsa-sejarah.html](http://kassimahmad.blogspot.com/2006/12/bahagian-iii-perpaduan-bangsa-sejarah.html).
- Mohd, T. Osman. (1984). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd, Sulaiman Yasin. (1984). *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Syukri, Zainal Abidin. (2013). *Takdir Menurut Za'ba: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Islam*. Tesis M.A. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nordi, Achie. (2004). Kemelutan Pemikiran Teologi Islam dalam Kancah Kejatuhan Dunia Melayu: Penelitian terhadap Pemikiran Ketakdiran Za'ba (1895-1973). *Sejarah*, 12 (12), 93-123.

- Nordi, Achie. (2006). *Pemikiran Za'ba dalam Falsafah Taqdir*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nordi, Achie. (2021). Wabak Taklid Buta, Watak Fanatisme Mazhab dan Wasilah Ijtihad Satu Penelitian terhadap Pemikiran Za'ba. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 49, 141-158.
- Nordin, M. Z. F. (2024). Verifikasi Makna dalam Falsafah Za'ba. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17 (2), 307-326.
- Nur'aini. (2019). *Takdir dalam Pandangan Zainal Abidin bin Ahmad*. Skripsi. Fakultas Ushuludin, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Ungku, Aziz. (1975). *Jejak-Jejak di Pantai Zaman (Footprints in the Sands of Time: From Za'ba to Aziz)*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- W. Z. Kamaruddin, W. A. (1996). Pendita Za'ba: Pemikirannya Mengenai Islam dan Melayu. Dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (ed.), *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Seminar Memperingati 100 Tahun Za'ba, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- W.Z. Kamaruddin, W. A. (2016). Pemikiran Pendeta Za'ba Menerusi Karya *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*: (Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam). *JAQFI: Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 1 (1), 69-82.
- Za'ba. (1923). The Proverty of the Malays. *Malay Mail*, 31 Disember.
- Za'ba. (1927). Kemiskinan Orang Melayu. *Al-Ikhwani*, Mac, 16 April.
- Za'ba. (1932). *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir dalam Agama Islam* (Sukatan Azali). Pulau Pinang: Jelutong Press.
- Za'ba. (1934/1353). *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba*. Muhammad Tahir Jalal al-Din (pnyt.). Pulau Pinang: The Jelutong Press.
- Za'ba. (1958). *Asohan Budi Menerusi Islam*. Kuala Lumpur: H.M.E. Enterprise.
- Za'ba. (1980). *Falsafah Takdir*, Hamdan Hassan (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Za'ba. (2009). *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zaini, Ujang. (1989). Za'ba dalam Kenangan. *Dewan Budaya*, Oktober. 30-31.